

Harun Din enggan berterus-terang

22 NOV 1999

12

Oleh BAHAROM MAHUSIN

BUTTERWORTH 21 Nov. — Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Harun Din enggan berterus-terang mengenai sebab sebenar beliau tidak bertanding dalam pilihan raya umum ke-10 selepas begitu lama digemburkan sebagai orang yang bakal menentang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Kubang Pasu.

Ketika ditemui di Hotel Sunway Seberang Jaya di sini tengah malam tadi, Harun berkata: "Saya tak boleh cakap apa sebab saya tidak bertanding. Tanyalah Pas Perlis, tanya Ustaz Hashim Jasin."

Katanya: "Saya sendiri tak boleh cakap, takut nanti orang keliru. Saya tak boleh bagi tahu. Itu keputusan pucuk pimpinan Pas. Tanya mereka."

Harun Din inginap di hotel itu selepas berkempen dalam satu ceramah di Tasek Gelugor dekat sini malam tadi.

Sebab-sebab beliau tidak bertanding dalam pilihan raya umum menarik perhatian ramai memandangkan beliau sebelum ini beria-ia bercadang bertanding menentang Dr. Mahathir di Kubang Pasu.

Malam tadi Pesuruhjaya Pas Perlis, Hashim Jasin menjelaskan, sebuah institusi kewangan di Perlis telah menuntut Harun menyetor bayaran hutang sebanyak RM1.7 juta.

Katanya, tindakan institusi kewangan tersebut telah menyebabkan Harun mengambil keputusan tidak bertanding pada pilihan raya umum kali ini.

Sebelum ini, Harun, seorang bekas pensyarah pengajian Islam, disebut-sebut akan bertanding menentang Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim di kawasan Dewan Undangan Negeri Tambun Tulang.

Malah beliau juga pernah menyatakan kesanggupan untuk berhadapan dengan Dr. Mahathir di kawasan Parlimen Kubang Pasu.

Hashim berkata, Harun menanggung hutang sebanyak RM1.7 juta apabila orang yang dijaminnya bagi memperoleh pinjaman tersebut didakwa tidak menjelaskan pinjaman dan melarikan diri.

Sementara itu, Harun juga menafikan beliau mendapatkan rawatan jantung di Island Medical Centre di Jalan Macalister, sebuah hospital swasta beraraf lima bintang di Pulau Pinang.

Beliau dilaporkan berada di hospital swasta itu ketika pengumuman pembubaran Parlimen pada 10 November lalu.

"Saya tidak sakit, saya cuma jumpa doktor di sana. Perjumpaan itu tidak ada kena mengena dengan rawatan ke atas saya," katanya.

Para pemberita membangkitkan hipokrisi beliau mendapatkan rawatan di hospital yang mahal itu sedangkan untuk orang lain beliau hanya "menjampi air".

Selain itu, kerajaan telah membina Institut Jantung Negara (IJN) dan kemudahan di sana sepatutnya digunakan oleh beliau.

Harun jelas tidak gemar dikaitkan dengan label "jampi" iaitu panggilan yang turut digunakan oleh Dr. Mahathir dalam kritikan-kritikan terhadapnya.

Beliau mendakwa tidak pernah meminta wang daripada sesiapa kerana "menjual air jampi".

Menurutnya, beliau banyak membantu menyelesaikan masalah rakyat Malaysia termasuk para pegawai tinggi kerajaan, menteri-menteri kabinet dan Raja-Raja Melayu.

Harun mendakwa, beliau kini menyerang Dr. Mahathir kerana "Dr. Ma-

hathir mengutuk saya dahulu."

"Saya percaya semakin saya dikutuk dengan panggilan "jampi" semakin ramai rakyat negara ini akan bersimpati dengan saya," kata beliau.

Dalam ucapannya pada ceramah di Tasek Gelugor, Harun mendakwa kerajaan Barisan Nasional (BN) "menggunakan kuasa untuk menindas dan mereka mungkin membunuh" musuh-musuh politik.

Beliau membandingkan tuduhan itu dengan nasib yang menimpa Anwar Ibrahim yang "dipukul" semasa dalam tahanan polis.

Ketika bertemu para pemberita kemudian, Harun mendakwa perkataan "membunuh" itu membawa makna subjektif dan pelbagai, tidak semestinya pembunuhan fizikal.

Bagaimanapun ketika berucap dalam ceramahnya, beliau langsung tidak memberi penjelasan spesifik mengenai makna kata "membunuh" tersebut.

Beliau menyeru para pengundi supaya menyokong Pas dalam pilihan raya umum 29 November ini. "Pas boleh buat di Kelantan, Pas juga boleh mengubah nasib penduduk Pulau Pinang."